

Headline	Malaysia mahu kurang jangkitan HIV		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	02 Dec 2014	Color	Black/white
Section	Nasional	Circulation	40,000
Page No	11	Readership	120,000
Language	Malay	ArticleSize	80 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 717
Frequency	Daily	PR Value	RM 2,151



Malaysia mahu kurang jangkitan HIV

KUALA LUMPUR - Malaysia mahu mengurangkan jangkitan HIV baharu menjelang akhir tahun depan berikutan trend penurunannya ketika ini.

Menteri Kesihatan Datuk Seri Dr S Subramaniam berkata, ia akan dikurangkan kepada 11 kes bagi setiap 100,000 penduduk berbanding 21.7 kes bagi setiap 100,000 penduduk pada tahun 2000.

Beliau berkata sejak Januari hingga September lalu, 2,525 kes HIV baharu dilaporkan dan menjelang akhir tahun ini, kes diunjur sebanyak 3,367 dengan kadar jangkitan 11.2 bagi setiap 100,000 penduduk.

"Kadar ini jelas menunjukkan penurunan berbanding kadar tertinggi pada 2002 iaitu 28.5 kes bagi setiap 100,000 penduduk," katanya ketika merasmikan Hari Aids Sedunia Peringkat Kebangsaan 2014 dengan tema 'Menuju Sifar, Tanggungjawab Bersama' di sini, semalam.

Teks ucapan beliau dibacakan Timbalan Pengarah Kawalan Penyakit dan Ketua Sektor HIV/AIDS Kementerian Kesihatan, Dr Ashaari Ngadiman.

Menurutnya, kerajaan akan terus memastikan kemudahan kepada pencegahan, rawatan, penjagaan dan khidmat sokongan diberi secara saksama serta menyeluruh di samping hak-hak individu dipelihara bagi memastikan agenda membanteras HIV/Aids diteruskan. -Bernama